

# Panduan Membaiki Pengucapan Awam

**S**UDAH menjadi keinginan manusia sejak lahir lagi untuk berinteraksi dengan orang di sekelilingnya. Keinginan tersebut juga berlarutan hingga seseorang itu sudah berkerjaya serta kerjayanya melibatkan pengucapan di tempat awam. Namun begitu, terdapat sedikit kegusaran atau kerisauan dalam kalangan orang yang berucap apabila hendak berhadapan dengan orang ramai.

Walau bagaimanapun, dengan kemahiran berucap di khalayak awam akan meletakkan diri seseorang itu dengan kelebihan yang besar dalam kerjayanya kerana kemahiran ini membuka peluang yang lebih cerah yang mungkin tidak dimiliki oleh orang lain kerana tidak semua orang mampu berucap dengan baik di hadapan khalayak ramai.

## **Keperluan Kemahiran Pengucapan Awam yang Baik**

Di sekolah, kolej, universiti atau di tempat kerja, kemahiran berucap di khalayak ramai dengan lancarnya akan membezakan diri seseorang itu dengan yang lain kerana seseorang itu menyerahkan keyakinan diri dan mampu mengambil peranan sebagai seorang pemimpin yang berwibawa.

Berucap di khalayak ramai sama ada di sekolah ataupun di universiti merupakan satu daripada cara yang berkesan untuk seseorang itu menyampaikan maklumat penting, menunjukkan pengetahuan yang tinggi serta berjaya mempengaruhi orang lain. Secara tidak langsung, seseorang itu dapat “mengorganisasikan” diri, membaiki penulisan teks ucapan, dan berkomunikasi dengan orang lain dengan lebih berkesan lagi.

Banyak orang yang nampaknya selesa di hadapan orang ramai sebenarnya bermula dengan perasaan takut dan bergemuruh ketika hendak berhadapan dengan banyak orang. Namun demikian, lama-kelamaan dengan mengatasi ketakutan ini dengan cara banyakk latihan dan membina keyakinan sepenuhnya, seseorang itu akan berjaya mengatasi masalah ketakutan ini.

## **Cara Menjadi Penutur yang Lebih Baik di Khalayak Awam**

Untuk menjadi penutur yang baik seseorang itu perlu menggabungkan beberapa tip berucap di khalayak ramai menerusi latihan pengucapan dalam kehidupan harian. Lama-kelamaan kemahiran pengucapan ini dapat dibaiki sehingga seseorang itu berasa lebih selesa untuk memberikan persembahan dan ucapan. Latihan ini termasuklah mengawal lenggok bahasa badan, mempelajari ungkapan dan ucapan yang baik seperti yang dilontarkan oleh pengucap tersohor di khalayak awam, berlatih

mengawal cara pernafasan dan membuat persediaan awal sebelum membuat persembahan pengucapan itu.

Pelajari penutur awam yang terkenal semasa berucap di khalayak ramai. Buat perbandingan dan pelajari kemahiran penutur ini dan perbaiki persembahan diri. Sebagai permulaan, carilah contoh penutur yang terkenal berucap di saluran YouTube. Apabila anda melihat cara persembahan mereka, ambillah nota tentang bahasa badan mereka. Mereka menggunakan pergerakan tangan dan bahasa badan ketika mereka mengeluarkan hujah utama mereka.

Mereka juga mengelakkan diri daripada menunjukkan rasa gelisah dan secara bijak menggunakan ruang yang diperuntukkan kepada mereka untuk menarik perhatian penonton.

Tumpuan harus diberikan kepada cara penutur mengukur sejauh mana kelancaran pembentangan mereka. Mereka biasanya akan mengambil masa dan menyampaikan hujah mereka pada masa-masa yang ditentukan sendiri. Tambahan pula, mereka akan berhenti sejenak supaya para penonton memusatkan perhatian terhadap apa-apa yang diucapkan oleh mereka dan tidak berasa kelim kabut serta dapat mengawal keadaan. Mereka mungkin membuat lawak jenaka atau menggunakan anekdot mengikut cara dan masa yang sesuai.

### 1. Berasa Selesa dengan Bahasa Badan

Bertutur di hadapan orang ramai boleh menyebabkan seseorang itu berasa tertekan yang secara negatif akan memberikan kesan terhadap bahasa badan mereka. Penutur di khalayak ramai perlu mengekalkan posisi tubuh badan mereka. Mereka juga perlu melakukan hubungan mata dengan audiens serta bergerak dengan cara yang nampaknya biasa sahaja.

Bahasa badan yang baik mampu meningkatkan keterampilan seseorang itu. Hal ini akan mempengaruhi audiens untuk menerima dan mengingati apa-apa yang telah diujarkan oleh penutur itu. Elakkan daripada memasukkan kedua-dua belah tangan di dalam poket atau melipatkan lengan baju. Sebaliknya, mulakan dengan pergerakan lengan di sebelah sisi dan gunakan isyarat tangan yang bermakna apabila anda menyampaikan hujah. Pandanglah ke arah audiens. Jangan melihat lantai atau nota pada jangka masa yang lama. Sebaik-baik sahaja anda membina keyakinan diri, anda mungkin mula membuat hubungan mata dengan individu yang sedang menonton persembahan anda.

### 2. Berlatih Kawal Suara dan Pernafasan yang Betul

Bagi kebanyakan orang, berucap di khalayak ramai boleh menjejaskan masa yang diperuntukkan itu yang menyebabkan mereka akan bercakap lebih pantas daripada biasa. Awasilah tentang keadaan ini

dan kekalkan satu jangka masa yang tertentu semasa pembentangan supaya tidak nampak anda berucap seperti terkejar-kejar sesuatu. Berucap secara teratur dan jelas. Hal ini boleh menenangkan urat saraf anda untuk mengelakkan rasa tekanan, dan membolehkan audiens lebih memahami apa-apa yang ingin anda lontarkan kepada audiens.

Kawalan pernafasan dapat membantu anda untuk menenangkan diri. Berlatihlah menggunakan perut untuk menolak angin ke dalam dan ke luar dari paru-paru anda semasa menarik dan menghembuskan nafas. Sebelum anda mula berucap di khalayak ramai, tariklah 10 kali pernafasan yang perlahan dan dalam sekali.

### 3. Menyediakan Hujah Semasa Pembentangan

Sebelum anda mula memberikan ucapan, sediakan senarai hujah atau isi penting yang ingin anda bentangkan itu yang mengandungi pesanan utama kepada audiens supaya mereka dapat mengetahui, berasa dan memahami keberadaan anda sepanjang anda berucap.

Mulakan dengan tiga hingga lima pesanan yang ringkas dan kemudian, huraikan beberapa isi penting yang berkaitan yang akan menyokong setiap pesanan anda itu. Olah isi penting yang anda ingin bentangkan itu dalam susunan yang tertib, bermula dengan pesanan yang anda ingin huraikan dahulu. Dengan mempunyai suatu garis kasar pada pesanan, anda boleh terhindar daripada terpesong dalam pembentangan dan menentukan anda tidak lupa untuk merangkumkan sebarang isi yang penting.

### 4. Ketahui Latar Belakang Penonton

Sebelum anda memberikan persembahan, ambillah masa untuk memahami latar audiens supaya anda boleh menyesuaikan ucapan anda itu untuk mereka. Fikirkan apa-apa yang penting kepada mereka dan dapat memberikan manfaat kepada mereka. Pendekatan hujahan seperti ini dapat memberikan kesan kepada audiens. Suatu majlis yang formal misalnya, mungkin memerlukan jenis persembahan yang berlainan daripada sekumpulan pelajar di dalam bilik darjah.

### 5. Raptai

Satu daripada cara untuk memperbaiki kemahiran berucap di khalayak ramai adalah dengan perbanyak membuat latihan. Melalui perulangan latihan, anda boleh menyingkirkan apa-apa pesanan yang tidak penting dan mencari cara yang lebih baik untuk “memfrasakan” bahagian penting pembentangan anda. Apabila anda berlatih membuat ucapan berulang kali, anda akan berasa lebih selesa untuk membentangkannya kepada audiens pada kejadian yang sebenar kelak. **PB**